

Program Intel Teach Pertandingan Unit Portfolio 2011

Latar Belakang

Pertandingan Unit Portfolio Peringkat Kebangsaan yang diadakan sejak tahun 2006 akan diteruskan tahun ini. Pertandingan ini telah memberi kesan yang ketara kepada guru-guru yang ingin mempelbagaikan strategi pengajaran-pembelajaran. Pendekatan Berasaskan Projek (Project Based approach) dan integrasi ICT dalam pengajaran-pembelajaran yang ditekankan dalam pertandingan ini telah membawa perubahan dalam bilik darjah khususnya dalam bilik darjah para pemenang.

Selaras dengan perkembangan pendidikan kini, dua kategori penyertaan akan diadakan tahun ini. Kriteria penghakiman juga dikemaskini dan disahkan oleh satu panel penyemakan rubriks untuk mencerminkan perubahan terkini kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Upacara Penyampaian

Upacara penyampaian hadiah yang dilangsungkan setiap tahun akan diteruskan mengikut cadangan seperti dalam kerts kerja ini.

Tarikh dan Waktu yang dicadangkan: 24 November 2011 (Khamis), 2.30 petang

Hadiah

Setiap kategori:

Emas: 1 tempat – 1 netbook & RM3000, & sijil pencapaian

Perak: 1 tempat – 1 netbook & RM2000, & sijil pencapaian

Gangsa: 1 tempat - netbook & RM1000, & sijil pencapaian

Semua peserta yang senarai pendek: 1 cenderamata dan sijil pencapaian

Kategori Hadiah

Kategori	Guru Terlatih	Guru pelatih
	Staf akademik Universiti, IPG, ELTC, Kolej Matrikulasi dan Sekolah	Peserta Universiti dan IPG
Emas	1 tempat	1 tempat
Perak	1 tempat	1 tempat

Gangsa	1 tempat	1 tempat
--------	----------	----------

Semua peserta yang disenarai pendek akan dianugerahkan Sijil Pencapaian (certificate of achievement)

Peraturan Pertandingan

- Semua pendidik kecuali *Senior Trainer* Program Intel Teach yang masih berkhidmat di institusi kerajaan atau swasta dibenarkan mengambil bahagian;
- Semua peserta digalakkan menggunakan templet Unit Portfolio yang disediakan dalam Essentials atau Thinking with Technology;
 - Unit Portfolio yang layak mesti mengandungi Unit Plan, Penilaian & Strateginya (Assessment plan & strategies), Sumber yang digunakan (Resources Used) , Sampel Pelajar (Student samples) dan bukti menunjukkan unit portfolio pernah dilaksanakan
 - Semua sedutan dan bahan rujukan yang digunakan telah mendapatkan persetujuan/izin dari tuan punyai bahan.
- Penghakiman akan mengikut Skema penilanan yang disertakan dalam lampiran; Skema tersebut telah disemak dan disahkan oleh satu panel yang terdiri daripada pensyarah Universiti tempatan dan bekas pegawai kanan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Skema ini akan disiarkan di laman Sekretariat.
- Keputusan hakim adalah muktamad.

Proses Penghakiman

Proses	Objektif	Tindakan
Tapis	Memenuhi kriteria minimum	Regional Training Agency (RTA)
Memilih Pemenang	Memilih pemenang	Hakim berkecuali

Tapis

- RTA akan menyemak berpandukan rubriks penilaian untuk memastikan unit portfolio (UP) mematuhi kriteria minimum;
 - CD mengandungi nama penuh, alamat institusi, email dan no telefon peserta
 - CD mengandungi semua folder/fail dan bahan sokongan yang diperlukan
 - Unit Plan mengandungi item/elemen yang diperlukan dan menunjukkan elemen Project Based learning yang mantap

- Soalan Kerangka Kurikulum (CFQ) yang mantap
- CD bebas dari Virus
- RTA akan menyediakan satu senarai peserta mengikut kategori dan mata pelajaran Unit Portfolio
 - Unit Portfolio akan dikategori mengikut kategori penyertaan

Pemilihan Akhir

- J/K ini terdiri daripada 3-5 orang ahli dan akan dipengerusikan oleh wakil dari Universiti/KPM
- J/K akan memilih bilangan Unit Portfolio terbaik mengikut kriteria penilaian
- J/K akan mengesahkan senarai pendek dan memilih pemenang UP seperti berikut:

Kategori	Guru Terlatih	Guru pelatih
	Staf akademik Universiti, IPG, ELTC, Kolej Matrikulasi dan Sekolah	Peserta Universiti dan IPG
Emas	1	1
Perak	1	1
Gangsa	1	1

Tarikh Tutup Menerima Unit Portfolio oleh Urusetia Pertandingan: 10 Oktober 2011.

Alamat Urusetia:

Urusetia Pertandingan Unit Portfolio 2011
 Any Connection Enterprise Sdn Bhd
 123 Persiaran 155A, Bukit OUG Townhouse
 58200 Kuala Lumpur